

Jangan nilai keislaman dari segi pakaian

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan menilai keislaman seseorang menerusi cara dia berpakaian.

Katanya, mereka tidak boleh menuduh wanita yang memakai tudung itu lebih baik dan lebih Islam dari mereka yang tidak bertudung. **UM 20 NOV 1988**

"Terdapat wanita yang memakai tudung menganggap diri mereka lebih tebal keislamannya dari mereka yang tidak memakai tudung tetapi masih kelihatan rambut.

"Selepas memakai tudung, ada pula yang berkata warna merah tak berapa Islam. Warna Islam pada mereka adalah hijau," katanya semasa menggulung perbincangan di Perhimpunan Agung UMNO petang ini.

Beliau menambah, mereka yang memakai tudung putih pula menganggap diri mereka lebih Islam kerana warna tersebut lebih suci.

"Jadi persoalan siapa yang lebih Islam menguasai diri mereka sehingga masyarakat Islam ini berpecah belah," katanya.

Beliau juga menceritakan kisah seorang penuntut membalut tangannya dengan kertas tandas ketika hendak bersalam dengan canselor sebuah universiti ketika menerima ijazah.

"Adalah lebih baik kita bersikap lebih toleran. Kalau mereka hendak pakai atau tidak, itu antara mereka dengan Tuhan. Bukan kita yang menentukan keislaman mereka," tegas beliau.